



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN PENGAJARAN KOOPERATIF STAD DALAM MATA
PELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL.

ZAINUDDIN BIN ABINDINHAZIR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SENI

FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2004



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

01.04.2004

ZAINUDDIN BIN ABINDINHAZIR





DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledge.

01.04.2004

ZAINUDDIN BIN ABINDINHAZIR

200200663





PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur Alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan keizinanNya, kertas cadangan penyelidikan ini dapat disempurnakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Kursus Ijazah Sarjana Pendidikan (Seni).

Bersama ini, saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia yang dihormati, Encik Abdul Halim bin Hussain di atas segala bimbingan, pendapat, teguran dan tunjuk ajar dan masa yang beliau luangkan bagi membolehkan terhasilnya kertas cadangan penyelidikan ini.

Saya juga merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dekan Fakulti Seni Dan Muzik, Prof. Madya Hj. Ibrahim bin Hassan, Prof. Madya Zulkifli bin Yusoff, Dr. Ahmad Suhaimi bin Mohd Noor, En. Abu Bakar bin Sabran, En. Roskang bin Jailani dan En. Mazdi bin Marzuki yang telah memberi bantuan dan sokongan sepanjang tempoh penyelidikan ini. Juga ucapan ribuan terima kasih kepada En. Mohd. Redzuan bin Khalid dan rakan-rakan yang turut membantu menyumbangkan idea, masa dan tenaga bagi menjayakan penyelidikan ini.

Kepada Azlina bt. Hj. Mohd. Idris, Zuhaira Aqilah bt. Zainuddin, Amier Zafran bin Zainuddin dan Afieq Zakhwan bin Zainuddin, ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas segala pengorbanan yang diberikan sepanjang pengajian ini.

Maha Suci Allah, segala yang baik adalah dari Allah SWT dan segala kelemahan dan kekurangan adalah dari diri saya sendiri.





KEBERKESANAN PENGAJARAN KOOPERATIF (STAD) DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL

ABSTRAK

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengesan keberkesanan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara kooperatif (STAD) dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan 2 SMK Bandar Baru, Seri Petaling, Kuala Lumpur. Sejumlah 64 orang pelajar dari dua buah kelas dipilih sebagai sampel. Perbandingan dapatan daripada pendekatan dua kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah fokus utama bagi memperolehi jawapan terhadap persoalan dan hipotesis kajian. Penyelidik mengenakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara kooperatif melalui projek studio / amali terhadap kumpulan rawatan. Ujian Paired Samples T-Test digunakan untuk mengukur pencapaian dengan melihat min ujian-pra dan ujian-pasca. Analisis Korelasi / Correlations terhadap dapatan soal selidik dan senarai semak digunakan bagi mengesan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah dengan pendekatan pengajaran secara kooperatif.



BAB I

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Perbezaan pelajar dapat diperhatikan dalam aspek etnik, budaya dan agama. Malah ia juga berbeza dalam aspek kebolehan atau kemampuan mereka untuk memahami pembelajaran, apatah lagi untuk mengaplikasi fakta-fakta atau pengetahuan yang telah dipelajari. Pelajar yang cerdas lebih mudah memahami dan menguasai pembelajaran berbanding pelajar-pelajar yang tidak aktif atau kurang cerdas.

Walaupun demikian, kecerdasan bukanlah satu-satunya faktor dominan yang mempengaruhi kebolehan seseorang pelajar untuk mengingat dan memahami pembelajaran, tetapi ia juga banyak bergantung kepada cara bagaimana pengajaran dilakukan. Sebagai seorang pendidik, sewajarnya ia perlu mahir dengan pelbagai kaedah, teknik serta teori-teori tentang pedagogi. Aspek-aspek ini sememangnya bertujuan untuk dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai suatu keperluan bagi menangani pelbagai situasi, keupayaan dan latar belakang pelajar.



THE EFFECTIVENESS OF COOPERATIVE LEARNING (STAD) IN THE SUBJECT OF VISUAL ART EDUCATION

ABSTRACT

This research is conducted to find the effectiveness of teaching and learning progress as a team (STAD) for the subject of Visual Art Education among the form two pupils of SMK Bandar Baru Seri Petaling, Kuala Lumpur. About 80 students from two classes have been selected to the sample for this research. The comparison of two techniques of teaching and learning is the main focus to obtain the finding for the questions and hypothesis of the research. Researcher uses the teaching and learning as a team approach (cooperatively) through studio project towards the 'sample'. Paired Samples T-Test is used to measure the achievement by looking at the min pre-exam and pre-post exam. The Analysis Correlations towards the answers of questionnaires and check-list are used to seek the relations between the variables and the approach of teaching cooperatively.



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv

BAB I PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Masalah	2
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Objektif Kajian	10
1.4	Persoalan Kajian	10
1.5	Hipotesis Kajian	11
1.6	Konsep Kajian	13
1.7	Kepentingan Kajian	14
	1.7.1 Kepentingan kepada Institusi / Agensi	14
	1.7.2 Kepentingan untuk Pelajar	14
	1.7.3 Kepentingan untuk Guru	15
	1.7.4 Kepentingan untuk Sekolah	15
1.8	Batasan Kajian	15
1.9	Definisi Konsep	16
	1.9.1 Pembelajaran Secara Kooperatif (PSK)	16
	1.9.2 Tiga Dimensi (3D)	17
	1.9.3 Kognitif	17
	1.9.4 Interaksi Sosial	17
	1.9.5 Afektif	18
	1.9.6 Bertanggungjawab	18

1.10	Kaedah Pembelajaran Secara Tradisional	19
1.11	Perbezaan Kaedah Pembelajaran Secara Tradisional dan Kaedah Pembelajaran Secara Kooperatif	20
1.11.1	Pembelajaran Secara Kooperatif	20
1.11.2	Pembelajaran Secara Tradisional	21
1.12	Kesimpulan	22

BAB II TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pendahuluan	23
2.1	Pembelajaran Secara Kooperatif	24
2.2	Jenis-Jenis Pembelajaran Secara Kooperatif	27
2.2.1	Pembelajaran Kooperatif Jigsaw	27
2.2.2	Pembelajaran Kooperatif TGT (Team Games Tournament)	28
2.2.3	Pembelajaran Kooperatif STAD (Student Team Achivement Division)	29
2.2.4	Pembelajaran Bersama	33
2.3	Teori-Teori Pembelajaran Kooperatif	35
2.4	Komponen-Komponen dalam Pembelajaran Kooperatif	37
2.5	Sorotan Kajian-Kajian Lepas	41
2.5.1	Kajian Luar Negara	41
2.5.2	Kajian Dalam Negara	45
2.6	Kebaikan Pembelajaran Kooperatif STAD	47
2.7	Kelemahan Pembelajaran Kooperatif STAD	49
2.8	Kesimpulan	50

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	52
3.1	Pembolehubah Kajian	53
3.2	Persampelan	53

3.2.1	Kawasan Kajian	54
3.2.2	Tempat Kajian	54
3.2.3	Populasi Kajian	54
3.2.4	Sampel Kajian	55
3.2.5	Kaedah Persampelan	56
3.2.6	Responden	59
3.3	Rekabentuk Kajian	59
3.3.1	Kumpulan Kawalan	61
3.3.2	Kumpulan Eksperimen	62
3.4	Instrumen Kajian	64
3.4.1	Ujian Pra	64
3.4.2	Ujian Pasca	66
3.4.3	Soalselidik	67
3.4.4	Kesahan Soalselidik	69
3.4.5	Senarai Semak	72
3.4.6	Hasil Karya Pelajar	73
3.5	Instrumen Rawatan	75
3.5.1	Kesahan Instrumen Rawatan	75
3.6	Pengumpulan Dan Analisis Data	76
3.6.1	Ujian-t	77
3.6.2	Korelasi	78
3.7	Prosedur Kajian	80
3.8	Kesimpulan	83

BAB IV PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL SECARA KOOPERATIF

4.0	Pendahuluan	84
4.1	Perkembangan Pendidikan Seni Visual	85
4.2	Modul Pengajaran	89
4.3	Rancangan Pengajaran	99

4.4	Kesimpulan	111
-----	------------	-----

BAB V DAPATAN KAJIAN

5.0	Pendahuluan	112
5.1	Analisis Responden Kajian	113
5.2	Analisis Hipotesis Kajian	115
5.2.1	Analisis Hipotesis 1	116
5.2.2	Analisis Hipotesis 2	117
5.2.3	Analisis Hipotesis 3	118
5.2.4	Analisis Hipotesis 4	119
5.2.5	Analisis Hipotesis 5	121
5.2.6	Analisis Hipotesis 6	122
5.2.7	Analisis Hipotesis 7	123
5.2.8	Analisis Hipotesis 8	124
5.3	Rumusan Analisis Soalselidik	125
5.4	Analisis Soalselidik Kumpulan Eksperimen	127
5.5	Analisis Senarai Semak	135
5.6	Kesimpulan	140

BAB VI RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

6.0	Pendahuluan	142
6.1	Rumusan Objektif Kajian	142
6.1.1	Keberkesanan Pengajaran Kooperatif STAD Terhadap Pencapaian Dan Perkembangan Kognitif	144
6.1.2	Keberkesanan Pengajaran Kooperatif STAD Terhadap Interaksi Sosial	145
6.1.3	Keberkesanan Pengajaran Kooperatif STAD Terhadap Aspek Afektif	147

6.1.4	Keberkesanan Pengajaran Kooperatif STAD Terhadap Sikap Bertanggungjawab	150
6.2	Ringkasan Kajian	152
6.3	Perbincangan dan Implikasi	155
6.4	Cadangan Kajian Lanjutan	157
6.5	Rumusan	158
SENARAI RUJUKAN		160
LAMPIRAN		
A1	Surat Kebenaran KPN, Bahagian Perancangan Dan Dasar Penyelidikan	166
A2	Surat Memohon Kebenaran kepada JPN, Selangor	167
A3	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari JPN, Selangor	168
A4	Surat Memohon Kebenaran kepada Pengetua	169
B1	Soalan Ujian Pra	170
B2	Soalan Ujian Pasca	176
C1	Borang Soal Selidik	182
C2	Borang Senarai Semak	187
D1	Data Primer Kumpulan Rawatan	190
D2	Data Primer Kumpulan Kawalan	192
D3	Data Primer Pilot Test	194
D4	Data Senarai Semak Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	196

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
Jadual 1.1	Perbezaan Antara Kaedah Pembelajaran Secara Tradisional Dengan Pembelajaran Secara Kooperatif	21
Jadual 3.1	Skema Pemarkahan Ujian-Pra	65
Jadual 3.2	Skema Pemarkahan Ujian-Pasca	66
Jadual 3.3	Skala Jawapan Item Soalselidik	68
Jadual 3.4	Jadual Taburan Pengkelasan Item Soalselidik	68
Jadual 3.5	Jantina Responden Kajian Rintis	69
Jadual 3.6	Agama Responden Kajian Rintis	70
Jadual 3.7	Bangsa Responden Kajian Rintis	70
Jadual 3.8	Analisa Item Soalselidik	71
Jadual 3.9	Skala Penilaian Item Senarai Semak	72
Jadual 3.10	Jadual Taburan Pengkelasan Item Senarai Semak	73
Jadual 3.11	Kriteria Pemarkahan Hasil Karya Pelajar	75
Jadual 3.12	Kategori Tahap Hubungan oleh Best dan Kahn (1989)	79
Jadual 3.13	Plan Tindakan Penyelidikan	80
Jadual 4.1	Rumusan Kurikulum Pendidikan Seni Visual KBSM	87
Jadual 5.1	Jantina Responden	113
Jadual 5.2	Bangsa Responden	114
Jadual 5.3	Agama Responden	115
Jadual 5.4	Analisis Perbezaan Pencapaian Ujian Pra bagi Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	116
Jadual 5.5	Analisis Perbezaan Pencapaian Ujian Pasca bagi Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	117
Jadual 5.6	Analisis Perbezaan Pencapaian Kognitif Pelajar di Antara Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	119



Jadual 5.7	Analisis Perbezaan Interaksi Sosial Pelajar di Antara Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	120
Jadual 5.8	Analisis Perbezaan Aspek Afektif Pelajar di Antara Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	121
Jadual 5.9	Analisis Perbezaan Sikap Bertanggungjawab Pelajar di Antara Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	122
Jadual 5.10	Analisis Hubungan Sikap Bertanggungjawab dengan Jantina	123
Jadual 5.11	Analisis Hubungan Interaksi Sosial dengan Jantina	124
Jadual 5.12	Rumusan Pengujian Hipotesis	125
Jadual 5.13	Analisis Item Kognitif Soal Selidik Kumpulan Eksperimen	127
Jadual 5.14	Analisis Item Interaksi Sosial Soal Selidik Kumpulan Eksperimen	129
Jadual 5.15	Analisis Item Afektif Soal Selidik Kumpulan Eksperimen	130
Jadual 5.16	Analisis Item Bertanggungjawab Soal Selidik Kumpulan Eksperimen	132
Jadual 5.17	Analisis Item Lain-lain Hal Soal Selidik Kumpulan Eksperimen	134
Jadual 5.18	Analisis Item Senarai Semak Kognitif Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	136
Jadual 5.19	Analisis Item Senarai Semak Interaksi Sosial Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	137
Jadual 5.20	Analisis Item Senarai Semak Aspek Afektif Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	138
Jadual 5.21	Analisis Item Senarai Semak Bertanggungjawab Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	139





SENARAI RAJAH

Rajah

Muka surat

Rajah 1.1	Hirarki Permasalahan Penyelidikan	9
Rajah 1.2	Kerangka Konsep Penyelidikan	13
Rajah 3.1	Kaedah Persampelan Kajian	58
Rajah 3.2	Rekabentuk Kajian	59
Rajah 3.3	Pelan Tindakan Penyelidikan	60
Rajah 3.4	Pelan Tindakan Kumpulan Kawalan	61
Rajah 3.5	Pelan Tindakan Kumpulan Eksperimen	63
Rajah 3.6	Carta Alir Prosedur Penyelidikan	82
Rajah 4.1	Susunan Kumpulan dalam Bilik Seni	91
Rajah 4.2	Kerangka Carta Alir 1	93
Rajah 4.3	Kerangka Carta Alir 2	95
Rajah 4.4	Agihan Stesen Berdasarkan Bahan	97





SENARAI SINGKATAN DAN ISTILAH

Penyelidik menggunakan beberapa singkatan dalam penulisan penyelidikan ini. Singkatan-singkatan yang digunakan adalah mewakili maksud yang berikut :

Singkatan	Istilah
P S K	Pengajaran Secara Kooperatif
STAD	Student Team Achievement Division
P S T	Pengajaran Secara Tradisional
PSV	Pendidikan Seni Visual
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
3 D	3 Dimensi
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah





Dalam sistem pendidikan yang berorientasikan kecemerlangan akademik, atau memberikan lebih tumpuan kepada pencapaian dalam peperiksaan, adalah tidak dinafikan bahawa pendidik dihadapkan dengan tanggungjawab berat yang perlu dipikul. Banyak pihak akan menuding jari jika berlaku kemerosotan perkembangan dan pencapaian prestasi akademik pelajar. Justeru itu, dalam bab ini penyelidik akan membentangkan hubungkait antara permasalahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, dengan perkaitan-perkaitannya yang merangkumi perkara-perkara yang mempunyai hubungan dengan permasalahan kajian yang akan dijalankan.

1.1 Latar Belakang Masalah

Manusia menggunakan seni untuk menyatakan hasrat, idea, nilai dan pandangannya mengenai pelbagai bidang kehidupan yang dialami. Oleh itu seni melambangkan tamadun dan budaya sesuatu masyarakat (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988). Micheal (1993) menyatakan, seni adalah penting dalam kebudayaan dan setiap individu dalam masyarakat patut mempunyai pengalaman dalam seni. Seni adalah penting disebabkan ia mampu memperkembangkan kebudayaan. Pendidikan yang tidak mengajar seni adalah tidak mencukupi sebab ia tidak mengajar kebudayaan (NAEA, 1979). Justeru itu, seni adalah berkait rapat dengan kehidupan dan bidang kebudayaan. Manusia menggunakan seni untuk melahirkan perasaan mereka. Ahli antropologi juga membuat kajian asal-usul manusia berpandukan hasil daripada peninggalan seni.





Seni mampu melahirkan pemikiran dan perasaan yang mendalam (The College Board, 1983). Setiap hasil seni melambangkan suatu konsep pemikiran atau persepsi daripada perekanya. Ia merupakan integrasi kreativiti dan daya imaginasi seseorang individu yang menghasilkannya. Dengan sebab ini, setiap hasil seni yang dihasilkan adalah unik dari segi penghasilannya (Ahmad Ghazie Ibrahim, 1993).

Pendidikan Seni Visual, sepertimana dengan mata pelajaran lain adalah salah satu subjek yang perlu diajar di sekolah. Di samping itu, institusi-institusi pengajian tinggi juga mengiktiraf bidang kesenian sebagai satu bidang yang mampu menjadikan individu berfikir secara kreatif dan kritis.

Dalam Pendidikan Seni Visual, pelajar digalakkan menggunakan kemahiran kognitif dalam menghasilkan rekaan. Dalam proses penghasilan karya, pelajar dilatih menggunakan pengetahuan sedia ada, dan menambahkannya dengan pengetahuan-pengetahuan baru. Pelajar digalakkan menghasilkan karya yang asli. Oleh itu, pelajar terpaksa menggunakan daya fikir untuk menghasilkan karya yang unik. Kombinasi kemahiran dan pengalaman seni akan membentuk sahsiah pelajar dengan keupayaan sensitiviti kesenian apabila mereka memasuki alam pekerjaan dan kelangsungan terhadap pengurusan hidup seharian.

Dalam memperkatakan kepentingan Pendidikan Seni Visual, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2001), telah mengesan beberapa kelemahan dalam perlaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara tradisional yang diamalkan oleh pendidik di sekolah-sekolah. Kelemahan-kelemahan tersebut dinyatakan sebagai kegagalan pendidik dalam membantu pelajar mencari hubungkait dalam aspek-aspek berikut :





- i. Antara maklumat baru dengan pengalaman sedia ada.
- ii. Antara sekolah dengan dunia luar.
- iii. Antara satu mata pelajaran dengan satu mata pelajaran lain.
- iv. Antara pengetahuan lepas dengan cabaran masa kini, dan cabaran masa kini dengan tanggungjawab masa depan.

Pusat Perkembangan Kurikulum juga menyebutkan bahawa, kegagalan ini adalah disebabkan wujudnya kekangan dalam membina pertalian atau hubungkait sepertimana yang disasarkan. Antara kekangan-kekangan tersebut adalah :

- i. Sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan.
- ii. Tekanan untuk menghabiskan sukatan pelajaran.
- iii. Kebimbangan bahawa pengenalan elemen baru dalam kelas akan menambahkan bebanan guru.
- iv. Terlalu terkongkong kepada pendekatan pengajaran secara *behaviorist*, iaitu penekanan kepada tingkah laku yang boleh diperhatikan.

Berdasarkan kepada kenyataan ini, ia memperlihatkan situasi di mana pendidik harus mengambil inisiatif mempelbagaikan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang pedagogi, tidak hanya cukup dengan mengaplikasi kaedah pengajaran tradisional semata-mata, bagi memastikan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Negara akan terus didokong. Tanggungjawab ini menjurus kepada peranan pendidik dalam usaha melatih para pelajar di peringkat sekolah.

Melihat kepada perkembangan pendidikan masa kini, pendidik perlu berfikir global dan kompetitif. Pendidik perlu lebih profesional dan bestari, supaya mampu mendidik generasi muda agar bersifat terbuka dengan visi yang lebih meluas, serta berpemikiran lebih reflektif, kreatif, inovatif dan mempunyai keterampilan bagi





membolehkan mereka menyertai dengan berkesan arus globalisasi dunia, terutamanya dalam proses sosialisasi yang mewujudkan perpaduan (Wan Mohd. Zahid Nordin, 1995).

Guru Pendidikan Seni Visual perlu bijak berperanan sebagai pembimbing, selaku fasilitator yang menasihati, memotivasi dan mempunyai kekuatan untuk merangsang minat pelajar. Jika di Barat, kesenian sudah menjadi satu mata pelajaran teras yang mendokong mata pelajaran lain, maka tidak mustahil peranan yang sama perlu dimainkan oleh guru-guru Pendidikan Seni Visual di negara ini. Nyatalah, guru Pendidikan Seni Visual yang mampu menguasai pengajaran dan pembelajaran konstruktif adalah diperlukan.



1.2 Pernyataan Masalah

Semenjak perlaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), mata pelajaran Pendidikan Seni Visual menjadi lebih penting. Pendidikan Seni Visual telah dijadikan mata pelajaran wajib di peringkat sekolah rendah, menjadi mata pelajaran teras di peringkat menengah rendah, dan mata pelajaran elektif di peringkat menengah atas. Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (1983 & 1988), selain memupuk minat dan memperkembangkan bakat, mata pelajaran ini juga bertujuan untuk melahirkan individu yang imaginatif, kreatif, berpengetahuan dan memiliki sensitiviti terhadap ciri-ciri estetik.

Pendidikan Seni Visual menegaskan kegiatan gubahan-gubahan dan kajian pengamatan melalui proses inkuiri (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988). Oleh itu pelajar-pelajar digalakkan mengguna pelbagai jenis bahan, alat dan teknik dalam





pelbagai kegiatan seni dan kraf. Dalam proses berkarya, pelajar-pelajar melaksanakan aktiviti tertentu seperti menggambar, membentuk dan membuat binaan, mencorak dan merekabentuk kraf. Setiap aktiviti menekankan kemahiran yang berlainan. Kemahiran ini membolehkan pelajar-pelajar mengenal, membeza, membuat dan menilai hasil seni. Oleh demikian, bimbingan guru adalah penting bagi membantu pelajar-pelajar membuat hubungkait antara pengajaran, objektif dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan.

Untuk menjadi seorang guru seni yang berjaya, adalah penting memahami peranan Pendidikan Seni Visual dalam konteks kurikulum persekolahan, iaitu dari segi falsafah, matlamat dan objektifnya. Di samping itu guru perlu menguasai jenis-jenis seni yang terdapat dalam sukatan pelajaran. Ini bertujuan untuk memudahkan perancangan dan pengelolaan segala aktiviti yang berkaitan dengan seni. Menyedari golongan pendidik adalah agen terhadap reformasi pendidikan, Atan Long (1980) mengatakan :

Guru memainkan peranan yang sangat penting dalam pengajaran dan merupakan faktor penting dalam mempertingkatkan pencapaian pelajar.

Di dalam bilik darjah, terdapat pelajar-pelajar yang berminat dan juga tidak berminat dalam Pendidikan Seni Visual. Dalam hal ini guru hendaklah memainkan peranan sebagai guru seni, iaitu dengan menunjukkan minat dan kesungguhan terhadap interaksi dengan pelajar dan kemampuan menyampaikan pengetahuan dengan kaedah pengajaran yang baik, bagi menarik minat kedua-dua kategori pelajar ini. Dalam situasi seperti ini, Symth J. (1987) mengatakan :

We cannot improve the quality of education in our school without improving the quality of teachers in them...





Sehingga kini ramai pengkaji telah menghasilkan begitu banyak teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Persoalannya sejauh manakah pula kaedah ini dapat mengembangkan pemikiran pelajar dan, bukannya peningkatan prestasi kelulusan peperiksaan semata-mata. Apa yang sering berlaku, teknik dan kaedah yang dicipta lebih tertumpu untuk meningkatkan peratus kelulusan dalam peperiksaan dan, kurang jelas dalam usaha meningkatkan perkembangan kognitif (Abd Aziz, 2001).

Adalah perlu diberi perhatian bahawa, salah satu daripada tugas pendidik adalah menyediakan pelajar-pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan secukupnya bagi keperluan sumber manusia di masa depan. Dalam arus kemajuan teknologi hari ini, pelbagai cabaran terhadap ledakan globalisasi dunia tanpa sempadan perlu diambil kira. Pendidik perlu sedar perubahan yang sedang berlaku dalam struktur ekonomi, sosial dan demografi hari ini. Adakah pendekatan pengajaran dan pembelajaran mampu menangani perubahan-perubahan ini?

Amalan-amalan mengajar untuk lulus periksa semata-mata adalah kesilapan yang patut sama-sama dihindari. Dalam menghadapi abad ke-21, sepatutnya sekolah menjadi pemangkin bagi menangani perubahan yang berlaku. Perlunya kerjasama antara individu-individu adalah penting bagi menangani perubahan-perubahan ini. Pemupukan semangat kooperatif antara pelajar perlu disemai dari bangku sekolah lagi. Amalan hidup secara individualistik tidak banyak membawa kepada perkembangan kognitif (Abd Aziz, 2001).

Student's involvement in their schoolwork increases significantly when they are thought why they are learning the concepts, and how those concepts can be used outside the classroom. And most students learn much more efficiently when they are allowed to work cooperatively with other students in groups or teams.

Dan Hull (PPK, KPM, 2001).





Percampuran etnik, budaya dan agama dalam satu kawasan, sudah menjadi fenomena biasa hari ini. Ini menunjukkan pola sosial dalam masyarakat sudah berubah. Mereka telah ditempatkan dalam satu komuniti yang rencam. Persoalannya, sejauh manakah persediaan yang ada pada masyarakat untuk menerima pola perubahan. Adakah di sekolah diwujudkan corak pemilihan berasaskan komposisi pola sosial dalam menjalankan sesuatu aktiviti.

Khairiah Ahmad (1979), mengatakan guru-guru di Malaysia hari ini secara umumnya masih mengamalkan pendekatan pengajaran “whole class”. Pendekatan ini tidak sesuai dan tidak berkesan, kerana ia tidak memenuhi keperluan-keperluan pelajar yang berbeza antara satu sama lain. Andaian bahawa semua pelajar sebaya adalah sama dari semua segi, itu adalah tidak relevan lagi.

Perlu diberi perhatian bahawa setiap individu pelajar mempunyai perbezaan etnik, pegangan budaya dan agama yang berbeza. Kegagalan memahami perbezaan sosial memberikan kesan besar terhadap pola masyarakat setempat. Krisis perkauman selalu tercetus akibat pemahaman asas kerjasama tidak dibentuk dengan baik semasa di bangku sekolah. Oleh sebab itu, menjadi satu prasyarat dalam pemilihan ahli kumpulan kooperatif dibuat secara heterogenus.


Kagan, S. (1988), melihat perubahan struktur keluarga dan kekerapan masa yang digunakan untuk menonton televisyen telah mengurangkan jumlah jam berinteraksi antara ahli keluarga. Sekolah dapat menangani masalah ini dengan meningkatkan interaksi sesama rakan pelajar bagi mengimbangi kekurangan interaksi di rumah.

Daripada sandaran-sandaran yang dikemukakan ini, penyelidik mendapati wujud kekurangan dalam pendekatan pengajaran secara tradisional terhadap mata



pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah. Kekurangan atau kelemahan ini ditunjukkan melalui rajah 1.1 di bawah.

Atas dasar ini, penyelidik merasakan perlu dijalankan satu kajian penyelidikan berbentuk eksperimen bagi mengesan keberkesanan pengajaran secara kooperatif (STAD) sebagai alternatif kepada guru-guru bagi mempertingkatkan perkembangan pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.



Rajah 1.1
Carta Permasalahan Penyelidikan

1.3 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan perlaksanaan kaedah pengajaran kooperatif jenis STAD terhadap pengajaran Pendidikan Seni Visual, bagi pelajar Tingkatan 2, SMK Bandar Baru Seri Petaling, Kuala Lumpur. Objektif khusus penyelidikan ini bertujuan untuk :

- i. Mengkaji keberkesanan pengajaran kooperatif STAD terhadap pencapaian dan perkembangan kognitif pelajar.
- ii. Mengkaji keberkesanan pengajaran kooperatif STAD terhadap interaksi sosial di kalangan pelajar.
- iii. Mengkaji keberkesanan pengajaran kooperatif STAD dalam aspek afektif belajar di kalangan pelajar.
- iv.  Mengkaji  keberkesanan  pengajaran  kooperatif STAD  terhadap sikap bertanggungjawab di kalangan pelajar.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan dasar bagi penyelidikan ini adalah untuk mengkaji keberkesanan penggunaan kaedah pengajaran kooperatif STAD terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan 2, SMK Bandar Baru Sri Petaling. Berlandaskan kepada matlamat ini, penyelidik telah menggariskan beberapa persoalan yang memperlihatkan simbiotik terhadap perkaitan permasalahan sebagai landasan bagi mencapai tujuan penyelidikan ini.

Berikut disenaraikan secara lebih khusus beberapa persoalan sebagai panduan terhadap penyelidikan yang akan dijalankan.

- i. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara pencapaian kognitif pelajar dengan penggunaan kaedah pengajaran kooperatif STAD.
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara interaksi sosial di kalangan pelajar dengan penggunaan kaedah pengajaran kooperatif STAD.
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara aspek afektif belajar di kalangan pelajar dengan penggunaan kaedah pengajaran kooperatif STAD.
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara sikap bertanggungjawab di kalangan pelajar dengan penggunaan kaedah pengajaran kooperatif STAD.

1.5 Hipotesis Kajian

Beberapa hipotesis telah dibentuk secara deskriptif bersama hipotesis nol bagi menjawab persoalan-persoalan terhadap permasalahan penyelidikan. Hipotesis-hipotesis yang dirangka adalah seperti berikut:

Ho 1 : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dari segi pencapaian ujian pra di antara kelas eksperimen dan kelas kawalan.

Ha 1 : Terdapat perbezaan min yang signifikan dari segi pencapaian ujian pra di antara kelas eksperimen dan kelas kawalan.

Ho 2 : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dari segi pencapaian ujian pasca di antara kelas eksperimen dan kelas kawalan.

Ha 2 : Terdapat perbezaan min yang signifikan dari segi pencapaian ujian pasca di antara kelas eksperimen dan kelas kawalan.

Ho 3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pencapaian kognitif pelajar di antara kelas eksperimen dan kelas kawalan.



Ha 3 : Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pencapaian kognitif pelajar di antara kelas eksperimen dan kelas kawalan.

Ho 4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi perkembangan interaksi sosial pelajar di antara kelas eksperimen dan kelas kawalan.

Ha 4 : Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi perkembangan interaksi sosial pelajar di antara kelas eksperimen dan kelas kawalan.

Ho 5 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi perkembangan aspek afektif pelajar di antara kelas eksperimen dan kelas kawalan.

Ha 5 : Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi perkembangan aspek afektif pelajar di antara kelas eksperimen dan kelas kawalan.

Ho 6 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi perkembangan sikap bertanggungjawab di kalangan pelajar di antara kelas eksperimen dan kelas kawalan.

Ha 6 : Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi perkembangan sikap bertanggungjawab di kalangan pelajar di antara kelas eksperimen dan kelas kawalan.

Ho 7 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan dari segi perkembangan sikap bertanggungjawab di kalangan pelajar dengan pemboleh ubah jantina.

Ha 7 : Terdapat hubungan yang signifikan dari segi perkembangan sikap bertanggungjawab di kalangan pelajar dengan pemboleh ubah jantina.

Ho 8 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan dari segi perkembangan interaksi sosial di kalangan pelajar dengan pemboleh ubah jantina.


Ha 8 : Terdapat hubungan yang signifikan dari segi perkembangan interaksi sosial di kalangan pelajar dengan pemboleh ubah jantina.



1.6 Konsep Kajian

Rajah 1.2 di bawah menerangkan konsep asas penyelidikan yang akan dijalankan.

Penyelidik ingin mengesan perhubungan antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar melalui kaedah penyelidikan eksperimen.



Rajah 1.2

Kerangka Konsep Penyelidikan

Terdapat empat pemboleh ubah bersandar yang akan dibuat korelasi bagi mengenalpasti hubungannya dengan pemboleh ubah bebas. Kondisi hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini, membolehkan penyelidik memperolehi maklumat terhadap tahap keberkesanan pengajaran kooperatif STAD melalui sampel-sampel yang dipilih.



1.7 Kepentingan Kajian

Kajian terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara kooperatif dilihat mempunyai kepentingan-kepentingan tertentu yang dapat disumbangkan. Antara kepentingan penyelidikan ini adalah:

1.7.1 Kepentingan kepada Institusi / Agensi

- i. Kajian ini diharap dapat menjadi sumber ilmu kepada guru-guru pelatih di Universiti Pendidikan Sultan Idris sebagai salah satu kaedah alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.
- ii. Kepada pihak Universiti, penyelidikan ini dapat dijadikan subjek perbincangan melalui aktiviti-aktiviti kolokium, bengkel dan seminar pendidikan.
- iii. Kepada KPM, JPN, PPK dan BPG, dapatan penyelidikan ini boleh dijadikan rujukan dalam memperkemaskan metodologi pengajaran dan pembelajaran.

1.7.2 Kepentingan untuk Pelajar

- i. Membantu meningkatkan pencapaian akademik.
- ii. Menimbulkan sikap yang positif terhadap pembelajaran disebabkan motivasi belajar dalam suasana yang lebih terbuka.
- iii. Membantu meningkatkan kemahiran berfikir kritis.
- iv. Menambahkan penglibatan dalam pembelajaran dan lebih bertanggungjawab terhadap kemajuan diri dan ahli-ahli kumpulan.
- v. Mengembangkan kemahiran menyelesaikan masalah melalui proses interaksi.



1.7.3 Kepentingan untuk Guru

- i. Memainkan peranan sebagai penasihat, pemimpin, fasilitator, pendidik dan rakan pelajar.
- ii. Mencapai objektif kurikulum yang seimbang dari segi akademik, perkembangan individu dan sosial.
- iii. Menghargai sikap positif pelajar.

1.7.4 Kepentingan untuk Sekolah

- i. Membantu menggalakkan perhubungan yang positif di antara pelajar-pelajar majmuk.

1.8 Batasan Kajian

Penyelidikan yang akan dijalankan ini adalah terbatas kepada 80 orang pelajar Tingkatan 2, iaitu pelajar-pelajar Tingkatan 2 Adil dan Tingkatan 2 Bestari, SMK Bandar Baru, Sri Petaling, Kuala Lumpur, terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada penyelidikan ini terbatas kepada pelajar-pelajar yang terlibat secara langsung dengan kajian yang dijalankan.

Segala dapatan yang diperolehi, hanya boleh menggambarkan hubungan antara keberkesanan pengajaran kooperatif jenis STAD dengan pencapaian dan perkembangan kognitif pelajar, interaksi sosial, aspek minat dan sikap bertanggungjawab di kalangan pelajar. Ia tidak layak untuk ditadbirkan kepada lain-lain kategori pelajar, sama ada di sekolah yang sama atau berlainan, kecuali jika wujud



kesamaan dari segi situasi dan faktor-faktor sedia ada dengan keadaan fizikal populasi, persampelan dan persekitaran asal penyelidikan yang dijalankan.

Ini kerana faktor kelainan lokasi, populasi, persampelan dan persekitaran memungkinkan pendedahan kepada pengaruh-pengaruh yang boleh menjejaskan kesahan terhadap pembolehubah-pembolehubah.

1.9 Definisi Konsep

Beberapa definisi penggunaan istilah dalam kajian ini dijelaskan terlebih dahulu bagi tujuan memudahkan pemahaman terhadap penyelidikan. Ada di antara istilah-istilah yang akan diterangkan telah pun disebut sebelum ini.



1.9.1 Pembelajaran Secara Kooperatif

Secara umumnya istilah ini memberi maksud, belajar secara berkumpulan. Pelajar akan belajar sendiri secara kumpulan kecil untuk menyelesaikan masalah pembelajaran. Pembelajaran secara kooperatif adalah sebagai satu kaedah pengajaran yang melibatkan sekumpulan kecil pelajar, yang terdiri daripada 2 hingga 3 orang, bekerjasama dalam menyelesaikan sesuatu tugas untuk mencapai matlamat kumpulan pembelajaran (Johnson et al., 1994).



1.9.2 Tiga Dimensi (3D)

Tiga Dimensi bermaksud sesuatu objek fizikal yang mempunyai bentuk dan jirim. Dalam aspek kesenian ianya merupakan produk atau karya seni yang memiliki sifat-sifat 360°. Ini bermaksud produk tersebut boleh dipegang, disentuh, diangkat dan sebagainya. Dengan itu 3-D dalam seni halus adalah seperti arca dan instalasi, dan tidak termasuk dalam kategori ini, lukisan dan catan yang mana bersifat 2-D.

1.9.3 Kognitif

Menurut Kamus Dewan edisi ke-3 (1988), kognisi diistilahkan sebagai proses mental untuk mentaksir, memahami dan mempelajari sesuatu. Sementara kognitif bermaksud segala perkara yang berkaitan dengan kognisi, seperti proses pembelajaran, pemahaman dan pemerolehan pengetahuan.

1.9.4 Interaksi Sosial

Menurut Kamus Dewan edisi ke-3 (1988), interaksi diistilahkan sebagai tindakan atau perhubungan aktif antara satu sama lain dan juga, tindak balas antara dua atau beberapa pihak. Manakala perkataan sosial diberi maksud sebagai ~i). Segala yang berkaitan dengan masyarakat, perihal masyarakat. ~ii). Berkaitan dengan pergaulan, persahabatan dan aktiviti masa lapang.

Dalam penulisan ini penyelidik memberikan maksud interaksi sosial sebagai perhubungan aktif di kalangan pelajar majmuk, dalam hal-hal yang berkaitan dengan



persahabatan, kemufakatan dan saling kebergantungan, dalam membentuk suatu situasi persekitaran pembelajaran yang harmoni.

1.9.5 Afektif

Menurut Kamus Dewan edisi ke-3 (1988), perkataan afektif adalah berkaitan dengan perasaan dan emosi (bukannya fikiran atau daya berfikir). Bagi maksud penyelidikan ini, penyelidik menyatakan maksud perkataan afektif sebagai kecenderungan atau dorongan semulajadi yang lahir dari naluri ikhlas dan kesediaan pelajar untuk menerima pembelajaran tanpa ada paksaan dari mana-mana pihak.



1.9.6 Bertanggungjawab

Menurut Kamus Dewan edisi ke-3 (1988), bertanggungjawab didefinisikan sebagai mempunyai tanggungjawab (kewajipan yang dipikul oleh seseorang), memikul tanggungjawab atau berkewajipan terhadap sesuatu. Bagi tujuan penyelidikan ini, penyelidik menyatakan maksud perkataan bertanggungjawab sebagai kondisi sikap kesediaan pelajar dalam menerima dan memberi perhatian, pertimbangan dan membuat keputusan secara responsif dalam kumpulan.



1.10 Kaedah Pembelajaran Secara Tradisional

Teknik pengajaran tradisional merujuk kepada kaedah pengajaran yang biasa digunakan oleh guru dalam menyampaikan isi pengajaran kepada pelajar. Dalam kaedah ini, biasanya pelajar akan mendengar segala penerangan dan membuat catatan segala maklumat yang diberikan. Pelajar-pelajar menjalankan aktiviti secara individu di tempat duduk masing-masing. Selebihnya, guru akan menerangkan sesuatu konsep beserta isi pengajaran.

Bagi pelajar yang kurang pintar, guru biasanya memberi nota pelajaran dengan menyalin dari papan hitam, nota cetak atau secara lisan. Manakala pelajar pintar dan berkemampuan, mereka akan mencatat nota semasa guru mengajar atau selepas pengajaran guru. Pendekatan ini berpusatkan kepada guru, dengan kaedah *Authoritarian* berkemungkinan sesuai untuk pelajar-pelajar yang lemah dan kurang bersedia, supaya dapat mewujudkan keyakinan diri melalui kemahiran-kemahiran yang diperolehi semasa membuat penerokaan dan penghasilan karya. Aktiviti-aktiviti dirancang oleh guru untuk memudahkan pelajar-pelajar mencapai objektif pengajaran. Guru menyediakan media kepada pelajar untuk membuat penerokaan sendiri mengikut prosedur kerja yang telah ditetapkan, serta bertindak sebagai pembimbing kepada pelajar.

Rancangan pengajaran guru menerusi kaedah ini sesuai kepada pelajar-pelajar yang berorientasikan mekanikal. Ini adalah kerana sikap mereka yang mengalami proses pembelajaran yang terlalu rigid dan merasa terpaksa belajar Pendidikan Seni Visual. Di samping itu, sikap mereka terhadap pengalaman seni hanya banyak bergantung kepada media yang diketahuinya sahaja. Proses bekerja mereka adalah statik, mengikut langkah demi langkah dan bergantung harap kepada guru dan rakan-



rakannya dalam penghasilan karya. Namun begitu, pelajar golongan ini bersedia menerima teguran bagi memperbaiki dan menguasai kemahiran walaupun takut untuk mencuba sesuatu yang baru.

Gunter et al.. (1995) telah merumuskan dalam penulisannya dengan mengatakan, pembelajaran secara tradisional akan berhadapan dengan pelajar yang kebanyakannya mempunyai pengalaman yang terhad di dalam pembelajaran mereka, iaitu kemahiran mendengar dan kemahiran mengambil nota sahaja. Keadaan ini berbeza dengan PSK, kerana pelajar berpeluang mempelajari pelbagai kemahiran, di antaranya seperti kemahiran mendengar, menulis, bercakap, membayang, mengulang kaji dan berinteraksi.



1.11 Perbezaan Kaedah Pembelajaran Secara Tradisional dan Kaedah Pembelajaran Secara Kooperatif

Nor Azizah Salleh (1995), dalam penulisannya telah menyatakan beberapa perbezaan yang terdapat di antara dua kaedah pengajaran ini. Antara perbezaan yang dinyatakan adalah seperti berikut :

1.11.1 Pembelajaran Secara Kooperatif

- i. Persandaran positif di antara ahli adalah tinggi, ahli tidak hanya bertanggungjawab terhadap diri sendiri, tetapi juga kepada ahli kumpulan.
- ii. Kumpulan heterogenus, yakni terdiri daripada pelajar-pelajar pelbagai etnik, jantina dan tahap pencapaian akademik.





- iii. Kemahiran sosial diajar secara langsung.
- iv. Keberkesanan proses kerja berkumpulan dinilai oleh ahli.
- v. Guru memerhati dan memberi bimbingan.

1.11.2 Pembelajaran Tradisional

- i. Kurang persandaran positif. Seorang pelajar hanya bertanggungjawab terhadap diri sendiri.
- ii. Kumpulan homogenius, iaitu ahli di dalam kumpulan terdiri daripada rakan-rakan 'sekepala' sahaja.
- iii. Tiada pemikiran optimum terhadap proses pembelajaran atau aktiviti yang dibuat.
- iv. Kemahiran sosial tidak diberi pemberatan.

Sementara itu dalam buku penerangan am tentang pembelajaran secara kontekstual oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2001), telah menyenaraikan beberapa berbezaan yang terdapat di dalam pengajaran secara tradisional. Antara perbezaan yang dinyatakan adalah sepertimana jadual 1.1 di bawah :

Jadual 1.1
Perbezaan Antara Kaedah Pembelajaran Secara Tradisional dengan Pembelajaran Secara Kooperatif

PERKARA	PEMBELAJARAN TRADISIONAL	PEMBELAJARAN KOOPERATIF
Objektif	Memindahkan maklumat	Mencari, membina dan mengaplikasi maklumat kepada situasi sebenar
Peranan	Penyampai maklumat	Pembimbing dan mentor



Jadual 1.1 (Sambungan)

Guru		
Peranan	Penerima maklumat yang pasif	Aktif mencari dan membina
Murid	melalui pembacaan dan maklumat melalui aktiviti sebenar	syarahan
Isi	Penyesuaian untuk kecerdasan	Penyesuaian untuk pelbagai
Kandungan	Bahasa dan Logik -Matematik	kecerdasan
Kaedah	Syarahan dan soal-jawab	Inkuiri, penemuan dan aplikasi
Penilaian	Menguji fakta (Contoh : Ujian kertas dan pensil)	Berasaskan pencapaian dan penyelesaian masalah (Contoh : Portfolio)

Sumber: Pusat Perkembangan Kurikulum, KPN.

1.12 Kesimpulan

Dalam bab ini, penyelidik telah menerangkan permasalahan dan persoalan yang berkaitan dengan penyelidikan yang akan dijalankan. Sehubungan itu, penjelasan ini diharap dapat dijadikan panduan kepada penyelidik bagi memperolehi dapatan-dapatan berhubung dengan keberkesanan pengajaran kooperatif STAD.